



SIARAN MEDIA

INSIDEN BERKENAAN BEBERAPA WARGA ASING YANG DIDAKWA SEBAR AGAMA KEPADA UMAT ISLAM DI PPR

PUTRAJAYA, 25 Februari 2025 –YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) membantah tindakan yang dilakukan oleh warga asing didakwa pergi dari rumah ke rumah di sebuah PPR Wangsa Maju bagi menyebarkan agama mereka kepada umat Islam sebagaimana telah tular di media sosial. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya yang mana orang bukan Islam tidak boleh menyebarkan dan mengembangkan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Tindakan ini mencetuskan kebimbangan terhadap keselamatan, keharmonian, dan perpaduan antara pelbagai komuniti di negara ini. Malaysia, yang terkenal dengan kepelbagaian budaya dan agama, amat menekankan pentingnya sikap saling menghormati dan hidup bersama dalam suasana aman damai. Oleh itu, sebarang aktiviti yang menjejaskan ketenteraman awam serta kesejahteraan bersama harus dihentikan serta-merta. Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap individu yang terlibat dalam perbuatan tersebut. Mereka juga menggesa orang ramai untuk tidak terpengaruh dengan kegiatan sebegini dan sentiasa melaporkan sebarang kejadian yang mencurigakan kepada Polis Diraja Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan meningkatkan aktiviti pemantauan oleh Skim Rondaan Sukarela (SRS) di seluruh negara terutamanya di kawasan Lembah Klang. Ini adalah bagi memperkukuh keselamatan dan keharmonian komuniti di seluruh negara. Usaha ini juga selari dengan tujuan utama penubuhan Skim Rondaan Sukarela iaitu untuk membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala di komuniti setempat.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga akan sentiasa memainkan peranan dalam memberi nasihat dan bimbingan kepada umat Islam mengenai kepentingan menjaga akidah, selaras dengan prinsip Malaysia Madani yang menekankan nilai hormat, ihsan dan kesejahteraan bersama. Sebagai negara yang menjunjung prinsip perpaduan, kedua-dua Menteri menyeru agar semua pihak menjaga keharmonian dan menghormati nilai-nilai budaya serta agama yang telah lama menjadi asas kehidupan bersama rakyat Malaysia. Mereka juga berharap agar peristiwa sebegini tidak akan berulang dan tindakan tegas akan diambil untuk memastikan kelangsungan perpaduan nasional.

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

25 Februari 2025